



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 20 Februari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Angkut 500 liter petrol guna Proton Wira

Kereta ditinggalkan
suspek sebaik
menyedari tindakannya
dikesan KPDN

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menyata 500 liter petrol yang ditemukan dalam sebuah kenderaan di Kampung Jubakar Darat, Pengkalan Kubor, Tumpat pada Ahad.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, ketika serbuan pada jam 7 pagi, pihaknya mendapati kereta jenis Proton Wira yang ditinggalkan itu dipenuhi petrol yang diisi dalam tong jerikin.

"Kereta bernombor pendaftaran tempatan ini ditinggalkan suspek sebaik menyedari tindakan mereka dikesan pasukan operasi."



Petrol yang diisi dalam tong jerikin disyaki akan diseludup ke Thailand.

"Pemeriksaan lanjut melalui Ops Bersepadu Pencegahan Ketirisan Barang Kawalan di sempadan mendapati, tong mengandungi bahan api ini disumbat di bahagian penumpang hadapan dan belakang selain di dalam bonet," katanya melalui satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, kereta itu disyaki

dipandu suspek dari Kota Bharu ke pangkalan haram di sekitar Tumpat untuk diseludup ke negara jiran.

"Dalam operasi ini, kita turut bekerjasama dengan polis dengan melakukan pemeriksaan di beberapa lokasi sekitar daerah ini.

"Kes ini disiasat mengikut Akta Bekalan Kawalan 1961," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Industri pilih hasil penyelidikan asing

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pemain industri lebih berminat memilih hasil penyelidikan asing sekali gus menyebabkan banyak kajian penyelidikan institut pengajian tinggi (IPT) tempatan dipandang sepi walaupun berkualiti tinggi.

Antaranya sistem pengurusan banjir dan bencana alam yang dilihat masih mendapatkan kepakaran negara luar sedangkan universiti awam banyak menghasilkan kertas-kertas penyelidikan berhubung topik tersebut.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Abdul Rahman Mohamed berkata, kecenderungan industri dengan kepakaran luar negara menjadi punca kajian penyelidikan tempatan ketinggalan meskipun banyak dana diperuntukkan dalam melonjakkan pertumbuhan pelbagai sektor dalam negara ini.

Beliau melihat hasil penyelidikan Malaysia tidak akan ketinggalan sekiranya dimanfaat dan dikomersialkan serta boleh menyelesaikan pelbagai masalah.

“Universiti-universiti tempatan saban tahun banyak melaahirkan produk dan kajian, tetapi mengapa pihak industri tidak melihat perkara ini terlebih dahulu? Adakah penyelidikan tidak setanding sedangkan ia merupakan hasil inovasi penyelidik tempatan yang lebih memahami situasi semasa.

“Berbanding kajian luar negara, bukan sahaja meningkatkan kos tetapi kadangkala produk tersebut tidak memenuhi kehendak negara ini sekali gus tidak mampu menyelesaikan masalah,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 3

Industri pilih hasil penyelidikan asing

Dari muka 1

Semalam, akhbar ini melaporkan banyak pihak mempersoalkan kejayaan daripada RM1.2 bilion dana penyelidikan yang diperuntukkan kerajaan sejak tiga tahun lalu dalam melonjakkan pertumbuhan pelbagai sektor di negara ini.

Laporan Harta Perbadanan Intelek (MyIPO) menunjukkan hanya 1,806 produk penyelidikan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) didaftarkan atau dipatenkan sejak 2018 sehingga Ogos 2023.

Kementerian serta agensi kerajaan pula telah menghantar 1,127 produk penyelidikan untuk didaftarkan atau dipatenkan dalam tempoh sama.

Abdul Rahman berkata, tia-

kan hasil penyelidikan tempatan juga mendorong Malaysia agak ketinggalan dalam pembangunan produk baharu berbanding negara maju sehingga menggagalkan usaha melonjakkan ekonomi terutama dalam sektor baharu.

"Malah ada industri tidak tahu langsung kajian universiti awam sehingga mereka pergi ke luar negara dan membawa masuk teknologi yang menelan kos tinggi," katanya.

Katanya, semua pihak sama ada IPT tempatan dan industri perlu bekerjasama bagi memastikan hasil kajian dan penyelidikan dapat dikomersialkan dan memberi manfaat kepada negara.

Beliau menambah, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi boleh mengalas tugas sebagai platform tunggal untuk memasarkan kajian penyeli-

dikan tempatan kepada pemain industri kerana ia boleh menjana pendapatan negara dan universiti awam.

Dalam pada itu, bekas Pengetua Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA), Ahmad Faisal Mohamed Fiah berpendapat, semua penyelidikan mempunyai manfaat kepada negara atau menambah baik perancangan kementerian.

Atas sebab itu, katanya, ada sesetengah penyelidikan mempunyai manfaat tujuan khusus yang tidak dapat dilihat oleh masyarakat.

"Tujuan itu pelbagai dan tidak semestinya golongan masyarakat. Kajian-kajian ini ada beberapa sasarannya. Kajian bidang sains sosial lebih melibatkan masyarakat, tetapi tidak bidang sains tulen atau kejuruteraan yang lebih kepada aspek teknikal dan inovasi."

"Malah, perbelanjaan agak besar bergantung kepada saiz penyelidikan, tujuan, peralatan dan itu menyebabkan ia kelihatan agak besar," katanya.

Oleh itu, katanya, kerajaan pada masa sama diharap dapat terus meningkatkan lagi dana penyelidikan kerana perlu dilihat sebagai modal yang membawa pulangan besar kepada semua.

"Kita perlu tingkatkan lagi jumlahnya sebab kajian-kajian ini sudah semakin berkembang dengan banyak lagi ruang serta aspek yang perlu dikaji dan diteliti dalam bidang-bidang pengkhususan kritikal."

"Universiti juga mungkin boleh menunjukkan kajian yang dijalankan itu kepada masyarakat supaya ia tidak berakhir ibarat syok sendiri atau hanya difahami golongan akademik semata-mata," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Selesaikan segera isu kekurangan bekalan beras tempatan

HULU TERENGGANU — Pengguna di daerah ini berharap agar kerajaan segera muktamadkan solusi bagi mengatasi kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan pada masa ini.

Seorang pengguna, Zainab Abdullah, 54, berkata, beras tempatan pada harga mampu milik begitu sukar didapati di pasaran sejak lebih lima bulan lalu.

Suri rumah yang berasal dari Kampung Teris itu berkata, mahu tidak mahu dia sekeluarga terpaksa membeli beras import yang harganya melonjak antara RM40 hingga RM60 bagi sekampit seberat 10 kilogram.

"Kalau ikutkan memang membebankan apatah lagi musim cuti sekolah ini, sekampit beras 10 kilogram tahan dua minggu sahaja buat kami sekeluarga."

"Saya harap bekalan dan harga beras akan kembali stabil sebelum menjelangnya bulan Ramadan pada bulan depan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sebuah pasar raya di Kuala Berang di sini semalam.

Zainab berkata, cadangan harga beras diselaraskan kepada RM30 bagi 10kg yang diutarakan Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal baru-baru ini mungkin boleh menjadi penyelesaian baik.



ZAINAB sedang mengambil sekampit beras import di sebuah pasar raya di Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.

"Walaupun harga cadangannya itu sedikit mahal berbanding purata RM26 bagi 10kg untuk beras tempatan sebelum ini, ia jauh lebih rendah berbanding harga beras import sekarang.

"Cepat-cepatlah kerajaan muktamadkan. Utamakan kepentingan rakyat biasa yang merupakan kelompok pengguna terbesar," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pengguna, Siti Hajar Muhammad, 56, juga mengakui beras tempatan sangat sukar ditemui di pasaran pada masa ini.

Dia mendakwa terpaksa mengunjungi tapak program Jualan Rahmah di sekitar daerah ini setiap hujung minggu semata-mata untuk mendapatkan beras tempatan.

"Pada masa ini, beras tempatan hanya boleh didapati program Jualan Rahmah, itupun kena berebut."

"Sehubungan itu, saya harap penyelesaian yang bakal diambil kerajaan nanti dapat mengembalikan beras tempatan dengan lebih mudah di pasaran," katanya.

BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI

Harga mahal beri kesan kos sara hidup

Johor Bahru: Cadangan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani di pasaran perlu dikaji berikutan akan memberi kesan terhadap kos hidup rakyat sekali gus mendorong kenaikan harga makanan.

Yang Dipertua Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Johor Noorman Kamsani berkata, perkara itu perlu diperhalusi sama ada benar-benar mampu menangani isu ketiadaan beras tempatan.

Menurutnya, ini kerana beras Malaysia Madani itu dilihat lebih kepada penjenamaan semula dengan harga baharu yang lebih tinggi berbanding harga beras tempatan.

Katanya, harga beras super spesial tempatan ialah RM26 dengan kadar kandungan beras hancur sekitar lima hingga tujuh peratus bagi pek 10 kilogram, maka kualiti beras Madani pada harga RM30 pula sepatutnya mempunyai kandungan beras hancur kurang daripada itu.

"Kenaikan harga beras (yang dicadangkan) memberi impak besar terhadap kos sara hidup rakyat.

"Apabila harga beras meningkat, pengguna terpaksa memperuntukkan lebih banyak wang untuk membeli beras yang secara tidak langsung berlaku kesan domino ke atas kos sara hidup keseluruhan.

"Kenaikan harga beras boleh menyebabkan kenaikan harga produk makanan yang berkaitan seperti roti, mi atau makanan proses lain," katanya.



BERAS putih Malaysia Madani yang dijual pada harga RM30 bagi 10 kilogram.

kan harga produk makanan yang berkaitan seperti roti, mi atau makanan proses lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Grand Food Fest di sebuah pusat beli-belah di sini, malam kelmarin.

Noorman berkata, kenaikan harga beras juga boleh menjelaskan sektor lain yang berkaitan dengan pertanian seperti harga makanan haiwan.

"Jika petani terpaksa membayar lebih untuk beras sebagai makanan haiwan, mereka mungkin meningkatkan harga daging, susu atau telur yang kemudian akan memberi kesan kepada harga pasaran.

"Oleh itu, kenaikan harga beras boleh memberi tekanan besar kepada kos sara hidup rakyat secara amnya.

"Maka kerajaan dan institusi berkaitan perlu mengambil langkah sewajarnya untuk mengurangkan kesan kenaikan harga beras agar kos sara hidup dapat dikekalkan dalam had yang mampu dihadapi oleh masyarakat," katanya.

Katanya, langkah-langkah seperti subsidi, peraturan pasaran atau kepelibatan sumber makanan boleh menjadi strategi yang berkesan dalam menghadapi cabaran itu.

"Harap kerajaan tidak apungkan harga beras pula seperti mana harga ayam.

"Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk menangani harga beras, tetapi bergantung kepada situasi dan keadaan tertentu negara," katanya.

Menurutnya, kerajaan boleh memberi subsidi kepada petani untuk menggalakkan pengeluaran beras atau subsidi kepada pengguna bagi mengurangkan kesan kenaikan harga.

Katanya, jika bekalan beras domestik terhad, kerajaan boleh mengimport beras untuk memenuhi keperluan tempatan dan memastikan harga stabil.

Harga sayur-sayuran di JB kekal tinggi

Johor Bahru: Harga sayur-sayuran di bandar raya ini masih kekal tinggi walaupun terdapat jangkaan harga akan mulai turun pada minggu ini.

Tinjauan di pasar basah sekitar Perlis dan Tampoi mendapati harga sayuran terutama kacang panjang dan buncis, terung selain bendi masih berada pada paras tinggi.

Harga kacang buncis kekal RM15.99 sekilogram berbanding antara RM8.50 hingga RM11, manakala kacang panjang pula RM10.90 sekilogram berbanding antara RM4.50 hingga RM6.50 pada November lalu.

Peniaga sayur, Wan Aizat Ahmad, 27, berkata bekalan sayur-sayuran yang berkurangan sejak akhir tahun lalu susulan musim hujan dan banjir sejak awal bulan ini.

Menurutnya, kekurangan bekalan juga berlaku disebabkan kebanyakannya pengusaha sayuran bercuti sempena Tahun Baru Cina.

"Harga sayuran masih kekal mahal ketika ini berbanding sebelum musim Monsun Timur Laut (MTL) pada November lalu berikutan bekalan yang masih rendah."

"Selain kacang buncis dan kacang panjang, turut mahal adalah terung panjang dan bulat yang kini RM12 sekilogram berban-

"Harga sayuran masih kekal mahal ketika ini berbanding sebelum musim Monsun Timur Laut (MTL) pada November lalu berikutan bekalan yang masih rendah"

ding antara RM7.50 hingga RM8.50 pada November lalu, manakala bendi kini RM13 sekilogram berbanding hanya RM8.50, November lalu.

"Harga sayuran yang diterima daripada pembekal juga tinggi dengan alasan bekalan masih kurang menyebabkan kami tidak dapat menurunkan harga," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sebelum ini, peniaga sayur-sayuran mendakwa terpaksa menaikkan harga jualan bahan mentah itu kerana menerima pada harga mahal daripada pembekal.

Dalam pada itu, Pengurus Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia Lim Ser Kwee berkata, harga sayur melonjak naik sebelum ini kerana musim hujan dan banjir di mana dijangka harga akan turun mulai minggu hadapan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 FEBRUARI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Feb	KPDN Kelantan sita 500 liter petrol ditemukan dalam kereta	https://www.sinarharian.com.my/article/650274/berita/semasa/kpdn-kelantan-sita-500-liter-petrol-ditemukan-dalam-kereta	SINAR HARIAN
20-Feb	500 LITER MINYAK PETROL DISITA DALAM OPS BER-SEPADU PENCEGAHAN KE-TIRISAN BARANG KAWALAN	https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/02/19/500-liter-minyak-petrol-disita-dalam-ops-bersepadu-pencegahan-ketirisan-barang-kawalan/	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
20-Feb	Lari tinggal kereta penuh muatan petrol seludup	https://www.buletintv3.my/jenayah/lari-tinggal-kereta-penuh-muatan-petrol-seludup/	BULETIN TV3
20-Feb	Lelaki cuba seludup minyak petrol ditahan	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/19/lelaki-cuba-seludup-minyak-petrol-ditahan	UTUSAN BORNEO
20-Feb	Jualan murah barang asas di Sungai Tua, Morib, Jeram pagi ini	https://selangorkini.my/2024/02/jualan-murah-barangan-asas-di-sungai-tua-morib-jeram-pagi-ini/	SELANGOR KINI
20-Feb	KPDN Bintulu periksa 6,894 premis, nilai sitaan lebih RM1.3 juta tahun lepas	https://www.tvsarawak.my/2024/02/19/kpdn-bintulu-periksa-6894-premis-nilai-sitaan-lebih-rm1-3-juta-tahun-lepas/	TV SARAWAK
20-Feb	KPDN Bintulu selesaikan 86 kes bernilai RM1.3 juta	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/19/kpdn-bintulu-selesaikan-86-kes-bernilai-rm13-juta	UTUSAN BORNEO
20-Feb	Kelantan mohon subsidi diesel untuk jentera pembersihan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062253/kelantan-mohon-subsidi-diesel-untuk-jentera-pembersihan	HARIAN METRO
20-Feb	Harga Kawalan Beras Dimuktamadkan Jumaat Depan	https://sabahnews.com.my/harga-kawalan-beras-dimuktamadkan-jumaat-depan/	SABAH NEWS
20-Feb	PM bincang isu beras Jumaat ini	https://www.dailyexpress.com.my/news/229041/pm-bincang-isu-beras-jumaat-ini/	DAILY EXPRESS